

**DRAF UCAPAN
TUAN YANG DIPERTUA
PERTANDINGAN GOLF SEMPENA HARIJADI TYT
YANG di-PERTUA NEGERI PULAU PINANG
11 DISEMBER 2011 (AHAD)
BERTEMPAT DI BUKIT JAWI GOLF RESORT
JAM 2:15 PETANG**

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas

Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Halim bin Hussain

Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Tuan Tan Beng Huat

ADUN Jawi

Ahli Majlis-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan

Mantan Yang DiPertua

Majlis Perbandaran Seberang Perai , Dato' Ismail Mamat dan
Mantan Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Dato' Hj Mahadi Ibrahim

Mantan Setiausaha Perbandaran

Majlis Perbandaran Seberang Perai, Encik Zainol Abidin Md Noh

Para Peserta Golf

Para Pemberita

Y.Bhg. Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Selamat Petang.

Marilah kita bersama-sama mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Tuhan kerana limpah kurnia serta keizinanNya dapat kita bersama-sama berada di majlis ini.

Terlebih dahulu saya ingin mengalu-alukan kehadiran semua peserta yang menyertai Pertandingan Golf Sempena Harijadi TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang Tahun 2011.

Penganjuran Pertandingan Golf bersempena dengan Hari Jadi T.Y.T Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang diadakan setiap tahun oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang bersilih-ganti dan ini dapat menjalinkan silaturrahim sesama kita. Ini merupakan antara aktiviti riadah sempena sambutan Hari Jadi TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang Yang ke-73. Pada tahun ini, Jawatankuasa Induk Majlis-Majlis Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melantik saya selaku Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai sebagai Pengerusi untuk menganjurkan Pertandingan Golf Sempena Hari Jadi TYT yang ke-73.

Permainan golf yang bermula semenjak abad ke-15 di Scotland kini telah menular ke seluruh dunia. Di Malaysia sahaja dianggarkan terdapat 300 padang golf dan kadar pertumbuhan setiap tahun adalah sekitar 5%. Permainan ini bukan lagi dimonopoli oleh golongan elit atau golongan diRaja malah hampir seluruh lapisan masyarakat dari murid sekolah hingga pesara meminati permainan golf.

Bagi pertandingan golf pada kali ini, kita telah berjaya mendapat 94 penyertaan. Saya juga dimaklumkan, pada hari ini sahaja terdapat 2 lagi Kejohanan Golf yang berlangsung di Kulim dan juga di Bertam, Kepala Batas. Walaupun terdapat pertandingan pada hari yang sama, namun bilangan penyertaan Pertandingan Golf pada kali ini telah mencapai sasaran, tahniah diucapkan kepada jawatankuasa penganjur.

Tuan Yang Terutama Tun, Yang Berhormat, Y.Bhg. Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan

Untuk makluman semua, kita telah menyediakan pelbagai hadiah menarik. Bagi memeriahkan lagi pertandingan ini, "Cabutan Bertuah" juga turut disediakan kepada para peserta yang sudi menyertai Pertandingan Golf Sempena Harijadi TYT, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang bagi Tahun 2011.

Di sini, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada urusetia Pertandingan Golf Sempena Hari Jadi TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan juga kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai yang terlibat kerana berjaya menganjurkan pertandingan pada kali ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Rasanya masih tidak terlewat untuk kita semua mengucapkan Selamat Hari Jadi Yang Ke-73 kepada Tuan Yang Terutama Tun, semoga Tuan Yang Terutama Tun sentiasa mendapat rahmat dan keberkatan dari Allah SWT. Dianugerahkan kesihatan yang sejahtera, untuk terus menjadi tonggak utama Negeri Pulau Pinang. Sesungguhnya kami amat berbesar hati dan amat berbangga mempunyai penaung yang sentiasa dekat di hati kami dan juga masyarakat Negeri Pulau Pinang.

Saya tidak berhasrat untuk bercakap lebih panjang lagi, kerana saya percaya, semua peserta telah letih dan penat kerana telah bermain sejak pagi tadi. Sebelum mengakhiri ucapan saya pada hari ini, saya sekali lagi ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan ribuan terima kasih dan penghargaan saya kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung bagi menjayakan majlis pada hari ini.

Saya yakin semangat kejohanan seperti ini akan berterusan demi untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang agar sentiasa aktif dalam bidang sukan dan rekreasi.

Saya sudahi dengan *Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Sekian, terima kasih.